



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1971

DR.77/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

BAHAWA SA-NYA tindakan telah di-ambil dan anchaman untuk mengambil tindakan sa-lanjut-nya ada-lah di-buat oleh sa-kumpulan orang yang terbesar dalam dan luar Malaysia—

- (1) untuk menyebabkan kekerasan yang di-ranchang terhadap orang dan harta, dan untuk menyebabkan sa-bilangan besar warganegara takut akan kekerasan itu; dan
- (2) untuk mendapatkan di-ubah, dengan apa² chara lain daripada chara yang sah, Kerajaan Malaysia yang tertuboh menurut undang²;

DAN BAHAWA SA-NYA tindakan yang di-ambil dan anchaman yang di-buat itu ada-lah mendatangkan mudharat kapada keselamatan Malaysia;

DAN BAHAWA SA-NYA Parlimen berpendapat bahawa tindakan itu ada-lah perlu di-berhentikan atau di-chegah:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 149 Perlembagaan INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, saperti berikut:

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan), 1971 dan, tertaklok kapada sekshen-kechil (2), hendak-lah mula berkuatkuasa pada 1hb September, 1971.

Tajok
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

- 4/69. (2) Pemansokhan oleh Akta ini akan bahagian dalam Jadual Pertama kepada Ordinan Dharurat (Keselamatan Dalam Negeri) (Mengubahsuai Undang²), 1969 yang telah membuat ubahsuaian² kepada sekshen 13 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan Peratoran² Dharurat (Keselamatan Dalam Negeri dan Perintah Tahanan), 1964 tidak boleh berkuatkuasa sa-hingga 1hb September, 1972.
- 18/60.
P.U.
335/64.
- Pindaan.
18/60. 2. Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ada-lah dengan ini di-pinda sa-bagaimana di-nyatakan dalam Jadual Pertama.
- Peman-
sokhan. 3. Tertaklok kepada sekshen 1 (2), undang² yang di-nyatakan dalam Jadual Kedua ada-lah dengan ini di-mansokhkan dan ubahsuaian² dan pindaan² yang di-buat oleh undang² tersebut kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan Kaedah² Keselamatan Dalam Negeri (Lembaga Penasihat Orang Tahanan), 1964 hendak-lah terhenti daripada berkuatkuasa.
- P.U. 23/64.
- Peruntokan²
peralehan.
18/60. 4. (1) Tiap² orang yang di-tahan menurut suatu perintah tahanan yang di-keluarkan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, sama ada atau tidak ia telah membuat rayuan bertulis kepada Lembaga Penasihat di-bawah Kaedah² Keselamatan Dalam Negeri (Lembaga Penasihat Orang Tahanan), 1964 (kemudian daripada ini di-sebut Kaedah²) sa-bagaimana di-ubahsuai oleh Ordinan Dharurat (Keselamatan Dalam Negeri) (Mengubahsuai Undang²), 1969 (kemudian daripada ini di-sebut Ordinan), walau apa pun ubahsuaian yang telah di-buat kepada Kaedah² itu oleh Ordinan itu, jika oleh sebab Ordinan itu ia telah terhalang daripada hadir sendiri atau di-wakili di-hadapan Lembaga Penasihat sama ada berhubung dengan pembicharaan rayuan-nya terhadap, atau berhubung dengan pengulangan-kaji, perintah tahanan-nya, hendak-lah di-beri peluang untuk hadir atau di-wakili sa-demikian, atau kedua²-nya, mengikut sa-bagaimana yang di-pilih oleh-nya.
- P.U.
23/64.
4/69. (2) Peluang tersebut di-atas itu hendak-lah di-beri kepada orang yang tersebut dalam sekshen-kecil (1) melalui notis bertulis yang di-keluarkan dengan arahan Pengerusi sa-suatu Lembaga Penasihat, dan apabila menerima sa-suatu jawapan menyatakan sa-saorang itu ingin hadir atau di-wakili di-hadapan Lembaga itu, Pengerusi itu hendak-lah mengambil tindakan sa-olah² kaedah 3 (3) dan 4 Kaedah² itu, jika berkenaan dengan rayuan, atau kaedah 6, jika berkenaan dengan ulangkaji, ada-lah berkuatkuasa.

(3) Atoran yang tersebut dalam sekshen-kechil (2) sa-takat mana yang praktik hendak-lah di-buat supaya orang yang paling lama dalam tahanan di-beri keutamaan tetapi walau bagaimana pun semua rayuan yang di-buat di-bawah sekshen ini hendak-lah di-timbangkan dan shor² mengenai-nya di-buat kapada Yang di-Pertuan Agong, dan semua ulangkaji yang di-adakan di-bawah-nya hendak-lah di-selesaikan dan laporan mengenai-nya di-buat kapada Menteri, sa-belum 1hb September, 1972.

JADUAL PERTAMA

(Sekshen 2)

Pindaan kapada Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960

Sekshen

Pindaan

2. ... 1. Di-hujong taarif "Chief Police Officer", sa-lepas perkataan "this Act", tambah perkataan "and in the application of this Act to Sabah and Sarawak references to a Chief Police Officer shall be construed as references to a Divisional Superintendent of Police".
2. Potong taarif "Officer in Charge of a Police District".
3. Potong taarif "Minister".
4. Masokkan taarif yang berikut mengikut susunan abjad yang sa-patut-nya:

"'Police District' has the same meaning as 'police district' in the Police Act, 1967;".

41/67.

8. ... Potong kesemua sekshen ini dan gantikan dengan—

"Power to
order deten-
tion or
restriction of
persons."

8. (1) If the Minister is satisfied that the detention of any person is necessary with a view to preventing him from acting in any manner prejudicial to the security of Malaysia or any part thereof or to the maintenance of essential services therein or to the economic life thereof, he may make an order (hereinafter referred to as a detention order) directing that that person be detained for any period not exceeding two years.

(2) In subsection (1) "essential services" means any service, business, trade, undertaking, manufacture or occupation included in the Third Schedule.

(3) Every person detained in pursuance of a detention order shall be detained in such place (hereinafter referred to as a place of detention) as the Minister may

Sekshen

Pindaan

direct and in accordance with any instructions issued by the Minister and any rules made under subsection (4).

(4) The Minister may by rules provide for the maintenance and management of places of detention and for the discipline and treatment of persons detained therein, and may make different rules for different places of detention.

(5) If the Minister is satisfied that for any of the purposes mentioned in subsection (1) it is necessary that control and supervision should be exercised over any person or that restrictions and conditions should be imposed upon that person in respect of his activities, freedom of movement or places of residence or employment, but that for that purpose it is unnecessary to detain him, he may make an order (hereinafter referred to as a restriction order) imposing upon that person all or any of the following restrictions and conditions :

(a) for imposing upon that person such restrictions as may be specified in the order in respect of his activities and the places of his residence and employment;

(b) for prohibiting him from being out of doors between such hours as may be specified in the order, except under the authority of a written permit granted by such authority or person as may be so specified;

(c) for requiring him to notify his movements in such manner at such times and to such authority or person as may be specified in the order;

(d) for prohibiting him from addressing public meetings or from holding office in, or taking part in the activities of or acting as adviser to any organisation or association, or from taking part in any political activities;

(e) for prohibiting him from travelling beyond the limits of the Federation or any part thereof specified in the order except in accordance with

Sekshen

Pindaan

permission given to him by such authority or person as may be specified in such order.

(6) Every restriction order shall continue in force for such period, not exceeding two years, as may be specified therein, and may include a direction by the Minister that the person in respect of whom it is made shall enter into a bond with or without sureties and in such sum as may be specified for his due compliance with the restrictions and conditions imposed upon him.

(7) The Minister may direct that the duration of any detention order or restriction order be extended for such further period, not exceeding two years, as he may specify, and thereafter for such further periods, not exceeding two years at a time, as he may specify, either—

(a) on the same grounds as those on which the order was originally made;

(b) on grounds different from those on which the order was originally made; or

(c) partly on the same grounds and partly on different grounds:

Provided that if a detention order is extended on different grounds or partly on different grounds the person to whom it relates shall have the same rights under section 11 as if the order extended as aforesaid was a fresh order, and section 12 (1) shall apply as if for the words "such person was detained" the words "his detention order was extended" were substituted.

(8) The Minister may from time to time by notice in writing served on a person who is the subject of a restriction order vary, cancel or add to any restrictions or conditions imposed upon that person by that order, and the restrictions or conditions so varied and any additional restrictions or conditions so imposed shall, unless sooner cancelled, continue in force for the unexpired portion of the period specified under subsection (6) or (7)."

Sekshen

Pindaan

9 Potong sekshen ini.

10 ... Potong sekshen ini dan gantikan dengan—

“Suspension
of detention
orders.”

10. (1) The Minister may at any time direct that the operation of any detention order be suspended subject to all or any of the restrictions and conditions which he is empowered by section 8 (5) to impose by a restriction order and subject, if the Minister so directs, to the requirement that the person against whom the detention order was made shall enter into a bond as provided in section 8 (6).

(2) Where a detention order is suspended as aforesaid section 8 (8) shall have effect as if the restrictions and conditions on which the detention order is suspended were restrictions and conditions imposed by a restriction order.

(3) Where a detention order is suspended as aforesaid the Minister may permit the person against whom the detention order was made to return to the country to which he belongs or to go to any other country of his choice provided that the Government of that other country consents to receive him.

(4) The Minister may revoke the suspension of any detention order if he is satisfied that the person against whom the detention order was made has failed to observe any restriction or condition imposed upon him or that it is necessary in the interests of security that the suspension should be revoked, and in any such case the revocation of the suspension shall be sufficient authority to any police officer to re-arrest without warrant the person against whom the detention order was made, and that person shall as soon as practicable be returned to his former place of detention or, if the Minister so directs, sent to another place of detention.

(5) The suspension of any detention order as aforesaid shall, subject to section 8 (8) as applied by subsection (2) and subject also to subsection (4), continue in force for the unexpired portion of the period of the detention order specified under section 8 (6) or (7).”

Sekshen

Pindaan

11 (2) ... Gantikan "within fourteen days" dengan "at the time".

13 (1) ... Potong dan gantikan dengan—

"Review.

13. (1) Every order or direction made or given by the Minister under section 8 (1), (5) or (7) or under section 10 shall, so long as it remains in force, be reviewed not less often than once in every six months by an Advisory Board :

Provided that in the case of a detention order against which representations have been made the first of such reviews, whether of a detention order made under section 8 (1) or of a detention order extended under section 8 (7) to which the proviso to the last mentioned subsection applies, shall be held not later than six months after the completion of the hearing of the representations by the Advisory Board to which they were made."

73 ... 1. Dalam sekshen-kecil (1) (b) dan dalam sekshen-kecil (2), sa-lepas perkataan "part thereof", tambah perkataan "or to the maintenance of essential services therein or to the economic life thereof".

2. Potong sekshen-kecil (3), (4) dan (5) dan gantikan dengan sekshen-kecil berikut :

"(3) Any person arrested under this section may be detained for a period not exceeding sixty days without an order of detention having been made in respect of him under section 8 :

Provided that—

(a) he shall not be detained for more than twenty-four hours except with the authority of a police officer of or above the rank of Inspector;

(b) he shall not be detained for more than forty-eight hours except with the authority of a police officer of or above the rank of Assistant Superintendent;

(c) he shall not be detained for more than thirty days unless a police officer of or above the rank of Deputy Superintendent has reported the circumstances of the arrest and detention to the Inspector-General of Police or to a police officer designated by the Inspector-General in that behalf, who shall forthwith report the same to the Minister."

Sekshen

Pindaan

Jadual Ketiga Potong Jadual Ketiga yang sedia ada dan gantikan dengan—

—“THIRD SCHEDULE

(Section 8 (2))

1. Water services.
2. Electricity services.
3. Public health services.
4. Fire services.
5. Prison services.
6. Postal services.
7. Telephone services.
8. Telegraph services.
9. Radio communication services, including broadcasting and television services.
10. Port, dock and harbour services and undertakings.
11. Public transport services by land, sea or air.
12. Bulk distribution of fuel and lubricants.”.

JADUAL KEDUA

(Sekshen 3)

- | | |
|---------------------|--|
| P.U. (A) 186/69 ... | Ordinan Dharurat (Keselamatan Dalam Negeri) (Mengubahsuaikan Undang ²), 1969. |
| P.U. 335/64 ... | Peratoran ² Dharurat (Keselamatan Dalam Negeri dan Perintah Tahanan), 1964. |
| P.U. 110/65 ... | Peratoran ² Dharurat (Keselamatan Dalam Negeri dan Perintah Tahanan) (Pindaan), 1965. |
| P.U. 230/65 ... | Peratoran ² Dharurat (Orang Tahanan Bukan Warganegara), 1965. |

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ia-lah untuk—

- (a) membuang dari Akta itu peruntukan², pindaan² dan ubahsuaian² dharurat yang tertentu yang telah di-masukkan berikutan dengan Perishtihaan Dharurat yang di-keluarkan pada 3hb September, 1964 dan 15hb Mei, 1969;

- (b) memasokkan dalam Akta itu lain² peruntokan tertentu yang di-buat oleh undang² dharurat tetapi tidak dengan sendiri-nya bersifat dharurat: ia-itu, pindaan² yang telah di-buat oleh undang² itu yang di-fikirkan perlu atau mustahak memandangkan kapada pengalaman yang di-peroleh dalam melaksanakan Akta itu semenjak tahun 1960;
- (c) membuat pindaan² sa-lanjut-nya bagi memperbaiki Akta dan bagi menjelaskan perkataan²-nya; dan
- (d) membuat peruntokan² peralehan bagi memudahkan keadaan² dharurat di-kembalikan kapada keadaan² "biasa" ("biasa" termasuk perkara² yang di-nyatakan dalam sebutan permulaan Akta itu yang meliputi, dan di-maksud untuk menghadapi, anchaman yang tidak berhenti² kapada keselamatan).

2. *Fasal 1 (2) dan 4* ada-lah peruntokan² peralehan dan di-adakan sa-mata² dari segi praktik. Baik Perlembagaan maupun Akta itu tidak memberi apa² hak kapada orang² tahanan untuk hadir sendiri atau di-wakili apabila membuat rayuan kapada Lembaga Penasihat atau apabila kes² mereka di-ulangkaji dari sa-masa ka-samasa oleh Lembaga. Sekshen 11 (3) Akta memberi kuasa kapada Yang di-Pertuan Agong untuk membuat kaedah² tentang chara bagaimana rayuan² boleh di-buat, dan dengan kaedah² itu-lah, ia-itu Kaedah² Keselamatan Dalam Negeri (Lembaga Penasihat Orang Tahanan), 1964, hak sa-saorang tahanan untuk hadir dan di-wakili telah di-adakan. Sa-bagai suatu langkah dharurat, hak itu telah di-gantong oleh Ordinan Dharurat (Keselamatan Dalam Negeri) (Mengubahsuai Undang²), 1969. Rang Undang² ini berchadang hendak memansokhkan Ordinan itu, tetapi *Fasal 1 (2)* ada-lah di-maksudkan untuk menangguhkan kuatkuasa bahagian yang di-mansokhkan itu dan ini akan memulehkan hak untuk hadir dan di-wakili dan akan memberi masa untuk menyelesaikan kes² mengenai orang² yang tidak mendapat peluang untuk hadir oleh sebab Ordinan itu. *Fasal 4* akan membolehkan Lembaga Penasihat memulakan kerja menguruskan kes² yang maseh ada dengan tidak perlu menanti pemansokhan itu berkuatkuasa sa-penoh-nya. Ini akan memberi peluang kapada semua orang yang di-tahan pada awal dharurat tahun 1969 atau yang di-tahan semenjak itu, dan yang telah membuat rayuan bertulis sahaja, untuk hadir dan di-wakili di-hadapn Lembaga; tetapi oleh kerana banyak bilangan orang yang terlibat maka pembicharaan terpaksa-lah di-adakan dalam masa beberapa lama, ia-itu sa-kurang²-nya enam bulan jika mereka semua memileh untuk hadir.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda Akta sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam Jadual kapada Rang Undang² ini.

4. *Fasal 3* berchadang, tertaklok kapada perenggan 2 di-atas, hendak memansokhkan undang² dharurat yang ada sekarang yang menyentoh Akta dan Kaedah² itu.

5. Pindaan² yang di-chadangkan dalam Jadual Pertama kapada Rang Undang² itu ia-lah—

Sekshen 2 ... Ini ada-lah sa-mata² pindaan dari segi bentok sahaja kapada sekshen yang mengandongi taarif itu.

Sekshen 8 (1) Ini ada-lah gubalan sa-mula sekshen 8 yang asal. Tujuan-nya ia-lah untok memindah-kan kuasa bagi membuat perentah tahanan dan sekatan daripada Yang di-Pertuan Agong kapada Menteri dan untok meluaskan mak-sud² tahanan dengan memasukkan maksud menchegeh perbuatan² yang mendatangkan mudharat kapada perkhidmatan² perlu dan kapada kehidupan ekonomi Malaysia.

Ada-lah jelas dari Perkara 151 (1) (a) dan (b) Perlembagaan bahawa apa yang di-mak-sud oleh penggubal² Perlembagaan itu ia-lah bahawa kuasa untok membuat perentah tahanan hendak-lah di-jalankan oleh sa-suatu pehak-berkuasa lain daripada Yang di-Pertuan Agong; pada hakikat-nya Perkara itu memberi hak kapada orang tahanan merayu kapada Yang di-Pertuan Agong terhadap pehak-ber-kuasa yang membuat perentah tahanan itu. Tetapi, sa-balek-nya Akta itu, mengadakan hak untok merayu terhadap perentah Yang di-Pertuan Agong kapada Yang di-Pertuan Agong, dan ini bukan-lah apa yang di-maksudkan oleh Perlembagaan.

Chadangan untok meluaskan maksud² taha-nan ada-lah di-buat menurut Perkara 149 (1) (a) Perlembagaan, yang menyebut tentang kekerasan yang di-ranchang terhadap orang atau harta. Kekerasan yang di-ranchang ada-lah mendatangkan mudharat kapada perkhid-matan² perlu dan kehidupan ekonomi.

Sekshen 8 (2), (3) dan (4) Sekshen-kecil ini ada-lah sama saperti peruntokan² yang sedia ada dalam Akta itu.

Sekshen 8 (5) Sekshen-kecil ini menyatakan dengan jelas hal² keadaan dalam mana sa-saorang akan di-sekat tetapi tidak di-tahan, dan tidak mengubah chara² sekatan yang tersebut dalam Akta itu. Hal keadaan dalam mana sa-suatu perentah sekatan boleh di-buat, yang di-nyata-kan dengan jelas itu, ada-lah baharu.

Sekshen 8 (6) ... Sekshen-kecil ini ada-lah sama maksud-nya saperti peruntokan² yang sedia ada dalam Akta itu. Hanya perkataan² yang berlainan sahaja yang di-gunakan.

Sekshen 8 (7) Sekshen-kecil ini memberi kuatkuasa kapada sekshen-kecil (1A) yang sedia ada, tetapi memasukkan suatu peruntokan untok membolehkan orang tahanan atau orang sekatan membuat rayuan baharu jika perentah tahanan atau perentah sekatan-nya di-lanjut-kan atas sebab² yang berlainan dengan atau sa-lain daripada sebab² yang menjadi asas perentah asal itu.

Sekshen 8 (8) ... Sekshen-kecil ini bertujuan untuk memberi kuasa yang nyata kepada Menteri untuk mengubah, membatalkan, atau membuat tambahan kepada sekatan dan syarat² yang berkuat-kuasa di-bawah sa-suatu perintah sekatan. Ini tidak ada di-peruntukkan sekarang dalam Akta itu.

Sekshen 9 ... Ada-lah di-chadangkan supaya sekshen ini di-mansokhkan. Sekshen ini tidak perlu kerana peruntukan²-nya ada-lah terkandung dalam sekshen 11.

Sekshen 10 ... Sekshen ini pada matan-nya ada-lah sama dengan sekshen 10 yang sedia ada tetapi telah di-gubal sa-mula untuk menyesuaikan kedudukan sa-saorang sekatan di-bawah perintah tahanan yang di-gantong dengan kedudukan sa-saorang yang tertaklok kepada perintah sekatan, dan untuk mengelakkan daripada di-ulang chara² sekatan yang di-benarkan sa-bagaimana di-nyatakan dalam sekshen 8 (sekshen-kecil (5) baharu yang di-chadang).

Sekshen 11 ... Pindaan yang di-chadang itu menghendaki supaya sa-saorang yang di-tahan mengikut suatu perintah tahanan itu di-beritahu akan hak²-nya dan sebab² ia di-tahan tatkala perintah itu di-sampaikan kepada-nya dan bukan dalam tempoh empat belas hari sa-lepas-nya.

Sekshen 13 (1) ... Sekshen ini ada-lah sama seperti 13 (1) yang sedia ada, tetapi di-tambah suatu syarat menghendaki supaya ulangkaji pertama bagi sa-suatu perintah tahanan itu di-adakan dalam tempoh enam bulan sa-lepas rayuan orang tahanan itu di-bicarakan. Mengikut perkataan² sekshen ini yang asal, tiap² kes di-kehendaki di-ulangkaji dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah tahanan, dan ini melibatkan dua pembicharaan dalam tempoh enam bulan yang pertama, satu pembicharaan rayuan dan satu lagi ulangkaji pertama.

Sekshen 73 ... Pindaan² yang di-chadang bagi sekshen-kecil (1) dan (2) ada-lah berbangkit dari pindaan² yang di-chadang bagi sekshen 8 (1).

Tujuan mengganti sekshen-kecil (3), (4) dan (5) dengan suatu sekshen-kecil baharu ia-lah untuk membenarkan Polis menyimpan dalam jagaan sa-saorang yang di-tangkap bagi tempoh maksima enam puloh hari sa-belum daripada suatu perintah tahanan di-keluarkan. Perlanjutan masa yang di-chadangkan ini ada-lah berasaskan kesulitan² yang timbul dari

segi praktik, dan tidak akan menyentoh tempoh tiga bulan yang di-benarkan oleh Perlembagaan dari tarikh sa-saorang di-tangkap hingga shor² Lembaga Penasihat di-hantar kepada Yang di-Pertuan Agong.

Jadual Ketiga ...

Jadual Ketiga kapada Akta itu tidak di-pinda sa-chara langsung oleh Rang Undang² ini, tetapi pemansokhan Ordinan 5 tahun 1969 akan mengakibatkan butiran 13 yang telah di-tambah kapada Jadual Ketiga oleh Ordinan itu di-potong.

6. Pemansokhan yang di-chadangkan dalam Jadual Kedua kapada Rang Undang² ini ia-lah untuk menghapuskan undang² dharurat yang telah mengubahsuai Akta itu (kechuali peruntokan² yang di-kanunkan sa-mula dalam Rang Undang² itu; untuk memulehkan hak sa-saorang tahanan untuk hadhir dan di-wakili di-hadapan Lembaga Penasihat yang menimbangkan rayuan-nya itu; dan untuk memulehkan hak yang telah di-hapuskan dalam tahun 1964 bagi sa-saorang tahanan bukan warganegara yang akan di-beri layanan sama saperti sa-saorang warga-negara bagi segala maksud di-bawah Akta itu dan Kaedah².

[PN. (U²) 220.]